

# Isu perkauman semakin ketara

**S**aya bimbang melihat isu perkauman semakin banyak diperkatakan sejak kebelakangan ini.

Lebih malang apabila banyak kenyataan tidak tepat dan mengelirukan disiarkan media sosial ketika keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) baru-baru ini.

Saya berasa amat sedih apabila pengguna Facebook dan Twitter menjadi tempat menabur fitnah dan menyemai perasaan kebencian.

Sepatutnya media sosial memberi manfaat tetapi malangnya menjadi medan perkauman.

Hal ini sepatutnya tidak perlu berlaku kerana akan memecah-belahkan lagi rakyat dan boleh menimbulkan pergaduhan kaum. Rakyat Malaysia sepatutnya bersatu mendapatkan apa yang terbaik untuk mereka.

Oleh itu, individu bergelar pengguna laman sosial mesti berhati-hati apabila mahu komen atau suka sesuatu kenyataan tanpa mengapikan perkauman.

**Norsuhada Khairudin,**  
Universiti Sains Islam Malaysia